

10 JUL 2003

Multaqa (Gulung)/I

TUGAS BERAT MENANTI ULAMA KEMBALIKAN ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM

Oleh: Jamaluddin Muhammad

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Dengan tamadun Islam kini merosot pada tahap yang paling rendah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan para ulama mengenai tugas berat yang menanti mereka dalam usaha mengembalikan zaman kegemilangan Islam.

Tafsiran tepat mengenai Islam adalah penawar yang dicadangkan oleh Perdana Menteri kepada ulama semasa beliau merasmikan Multaqa Ulama Sedunia anjuran Jabatan Perdana Menteri, di sini.

Ucapan beliau bertumpu kepada cara mengembalikan kegemilangan tamadun Islam yang agung supaya umat Islam di seluruh dunia tidak lagi diaibkan kerana lemah sehingga mereka tidak mampu untuk menegakkan hak dan mempertahankan diri.

Dr Mahathir bercakap panjang lebar mengenai bagaimana pada masa lampau, tiada siapa yang berani menindas umat Islam atau menceroboh wilayah mereka dan umat Islam dihormati dan dianggap sebagai kuasa dunia.

Kejayaan umat Islam dalam pentadbiran, pendidikan, perdagangan dan industri pada masa itu dihormati dan digeruni dunia.

Dr Mahathir berkata nasib malang yang menimpa umat Islam adalah kerana mereka tidak mengamalkan anjaran sebenar Islam dan mengamalkan apa yang telah disalahtafsir.

Multaqa tiga hari bertemakan "Islam dalam era globalisasi" dihadiri kira-kira 900 cendekiawan dan ahli akademik Islam dari 33 negara yang antara lain bertujuan mengumpul idea-idea bernas supaya ummah boleh menjadi pemacu dan pemangkin kejayaan mereka sendiri.

Pada sesi dialog selepas itu, Dr Mahathir, antara lain bercakap mengenai perlunya umat Islam belajar fardu ain dan fardhu kifayah untuk kehidupan yang lebih baik.

Dengan menguasai sains dan teknologi serta berbekalkan pendidikan agama, mereka akan mampu mereka cipta barangan yang memberi manfaat serta kekuatan untuk mempertahankan diri.

Dr Mahathir juga menyentuh mengenai perlunya umat Islam memahami Islam sebelum mengadakan dialog mengenai ketamadunan dengan pihak lain.

Perdana Menteri juga bersedia berkongsi formula kejayaan Malaysia menjadi negara Islam yang progresif ketika diminta berbuat demikian oleh seorang peserta.

Dua kerta kerja dibentangkan pada hari pertama multaqa itu yang berlangsung di Hotel Marriott Putrajaya di sini.

Pengarah Institut Kajian Islam dan Dunia Kontemporari yang berpejabat di Amerika Syarikat Dr Fathi Osman membentangkan kertas kerja bertajuk "Arah tuju umat Islam selepas 11 Sept, 2001 dan Pencerobohan ke atas Iraq".

Antara lain, beliau berkata perpaduan adalah satu-satunya cara yang ada kerana tindakan mengasingkan diri akan menyebabkan mereka terus menjadi mangsa.

Pengurus Pusat al-Imam al-Albaniy di Amman, Saleem Eid Mohamad Al-Hilali pula berkata Islam perlu dibersihkan daripada pelbagai jenis falsafah jahiliah yang ditanam oleh golongan sesat selain memastikan peradaban modennya bebas daripada pengaruh negatif dan teori sempit orang Eropah.

Beliau membentangkan kertas kerja bertajuk "Masyarakat Islam Masa Kini dan Cabaran Peradaban".

-- BERNAMA

JM AZZ LAT

